

SYARAT-SYARAT PENGAMBILAN ANAK ANGKAT



- Warganegara Malaysia dan menetap di Malaysia.
- Berusia 25 hingga 60 tahun.
- Perkahwinan secara sah (5 tahun ke atas).
- Bagi perkahwinan yang kurang daripada 5 tahun dan mempunyai komplikasi kesihatan reproduktif atau kesihatan yang menyukarkan proses kehamilan atau perkahwinan lewat juga boleh dipertimbangkan permohonannya.
- Peluang untuk mendapat anak tipis kerana faktor usia.
- Pemohon bujang boleh dipertimbangkan dan perbezaan umur di antara pemohon dan kanak-kanak mestilah lebih 21 tahun. Pemohon lelaki bujang dibenarkan mengambil kanak-kanak lelaki sahaja.
- Mempunyai pendapatan yang mampu menyara kehidupan keluarga.
- Hendaklah sihat dari segi mental dan fizikal.
- Bebas dari rekod kesalahan jenayah.
- Keadaan tempat tinggal yang sesuai dan selamat.
- Menganut agama yang sama dengan kanak-kanak.

DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :

- Gambar ukuran pasport (suami/isteri).
- Surat pengesahan dari Pegawai Perubatan mengenai status kesihatan pemohon (suami/isteri).
- Salinan kad pengenalan (suami/isteri).
- Salinan sijil nikah/sijil pendaftaran perkahwinan.
- Slip gaji atau pengesahan pendapatan (suami/isteri).
- Lain-lain dokumen sokongan, contoh: Laporan Pakar Perubatan, surat sokongan dan sebagainya.

PERKARA-PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN :

- Gambar ukuran pasport (suami/isteri).
- Sediakan dokumen-dokumen yang diperlukan.
- Permohonan boleh dibuat secara online (dalam talian) atau hadir

- sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan (PKMD/J) di tempat pemohon bermastautin.
- Borang Permohonan Anak Pelihara juga boleh dimuat turun dari laman sesawang JKM.
- Permohonan yang telah lengkap akan diproses dan sesi temu duga akan dijalankan oleh PKMD/J.

PERKARA-PERKARA YANG AKAN DIBINCANGKAN DALAM SESI TEMU DUGA :

- Menilai latar belakang sosial pemohon.
- Menilai kesanggupan pemohon menjadi keluarga pelihara.
- Menjelaskan tentang implikasi menjadi keluarga pelihara.
- Kesanggupan pemohon memenuhi syarat mengikut Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 dan Akta Pengangkatan 1952, Adoption Ordinance (Sarawak Cap 91)(Ammendment 2002) dan The Adoption (Central Registry) Regulations 1960 serta Adoption Ordinance 1960 (Sabah No. 23 of 1960) yang mana bersesuaian.

PERMOHONAN YANG DITERIMA DI PERINGKAT IBU PEJABAT JKM

- Menilai latar belakang sosial pemohon.
- Semua pemohon akan dihubungi menerusi surat berhubung status permohonan mereka.
- Permohonan yang dipertimbangkan akan didaftarkan ke dalam senarai menunggu bagi tempoh setahun (1 tahun) daripada tarikh surat dikeluarkan.
- Anak pelihara akan ditawarkan kepada pemohon yang telah diletakkan dalam senarai menunggu oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat setelah Mesyuarat Panel Penempatan Anak Pelihara bersidang.

(Sumber laman web rasmi JKM)

Saluran sah ambil anak angkat **rumit**

■ Pasangan ibu bapa enggan tunggu lama pilih beli bayi secara haram

H/metro
5/8/95
m/5 12

Kuala Lumpur

Pendekatan mengurangkan birokrasi dan memberi penerangan kaedah sebenar pengambilan anak angkat boleh membantu mengurangkan kes penjualan bayi di negara ini.

Exco Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Datuk Faridah Khalid berkata langkah itu boleh mengurangkan permintaan terhadap bayi untuk dibeli.

“Selagi wujud permintaan dalam konsep perniagaan, selagi itu ada penawaran, maka masalah ini tidak selesai kerana ia membabitkan urusan niaga puluhan ribu ringgit,” katanya.

Beliau mengulas kejayaan polis menyelamatkan 21 wanita mengandung dan seorang bayi wanita daripada menjadi mangsa perdagangan manusia dengan tangkapannya tiga wanita yang dipercayai menjadi dalang sindiket berkenaan di Gombak dan Rawang, semalam.

“Apa yang perlu dilakukan ialah memberi kesedaran



LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam.

kepada orang ramai khususnya ibu bapa angkat guna saluran sah dalam aspek undang-undang dan proses mengambil anak angkat supaya tidak timbul masalah di kemudian hari,” katanya.

Faridah berkata, kebanyakan ibu bapa angkat yang

beliau jumpa tidak mengetahui tahu tindakan yang mereka ambil salah dari segi undang-undang.

“Dalam perkara ini kita tidak hanya boleh salahkan keluarga angkat sahaja kerana ada ibu bapa angkat yang saya jumpa guna sa-



KEADAAN bilik yang menempatkan wanita hamil di rumah jagaan haram yang diserbu pihak berkuasa.

luran tidak sah bagi mendapatkan anak angkat kerana tidak sanggup melalui prosedur permohonan anak angkat yang rumit,” katanya.

Beliau yakin Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 sahaja tidak mencukupi untuk membendung aktiviti jenayah itu, malah masyarakat juga perlu memainkan peranan membanteras kegiatan itu daripada meletakkan tanggungjawab pada pihak

berkuasa. Presiden Lembaga Perlindeungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Prof Datuk Seri Dr Shaharuddin Awang Yahya berkata, masalah berkenaan hanya dapat dikurangkan jika hukuman lebih berat terhadap kesalahan itu dikenakan.

“Mengikut undang-undang sedia ada mereka yang terlibat dalam aktiviti urusan niaga pemerdagangan manusia boleh dikenakan tindakan penjara kurang 15 ta-

hun dan denda. Bagi saya hukuman yang dikenakan tidak cukup tegas untuk menakutkan mereka,” katanya.

Beliau mencadangkan hukuman lebih berat seperti hukuman rotan mampu memberi kesan yang lebih mendalam.

Shaharuddin berkata apa yang menjadi kerisauannya ialah nasib bayi yang dilahirkan oleh ibu beragama Islam dijual kepada penjaga bukan beragama Islam. - BERNAMA